



KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

21 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

21 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)

HARI : KHAMIS
TARIKH : 21/9/2023
M/SURAT : 1



Ahmad Zahid kembali kemudi KDN?



PREMIUM
Takjib dan Kritis
premium.sinarharian.com.my/

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN



ADLY ZAHARI



DR DZULKIFLY



JOHARI



ALEXANDER



FUZIAH

FOTO: BERNAMA

Selanjutnya dua bulan pemergian bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub, teka-teki mengenai siapa bakal calon pengganti beliau masih belum terjawab.

Melewati tempoh pilihan raya negeri (PRN) di enam negeri serta dua pilihan raya kecil (PRK) di Parlimen Pulai dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram di Johor, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim masih belum memberikan bayangan jelas bila kekosongan jawatan ditinggalkan Salahuddin itu bakal terisi.

Yang ada hanyalah respons Anwar kepada wartawan dengan menyatakan pihaknya masih terbuka menerima cadangan nama calon bersesuaian untuk diperintahkannya menjadi Menteri KPDN baharu dalam masa terdekat.

Dengan rakyat berdepan tekanan ke-naikan harga dan kekurangan stok barang-asas makanan satu per satu, bermula daripada gula, ayam, telur, beras dan terkini bawang serta cili, ramai pihak mendesak agar pelantikan Menteri KPDN disegerakan.

Terdapat nama beberapa pemimpin utama Parti Amanah Negara (Amanah) seperti Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari dan bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad disebut-sebut sebagai pengganti Allahyarham Salahuddin susulan jawatan kementerian itu dianggap hal status quo parti berkenaan di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, spekulasi kian bertumbuh kecanggihan mengatakan Anwar dijangka tidak sekadar mengisi kekosongan jawatan menteri KPDN semata-mata, sebaliknya mempertimbangkan rombakan kabinet menjelang sesi sidang Parlimen pembentangan Belanjawan 2024.

Hakikatnya, kemungkinan itu berasas, mengambil kira empat faktor yang pernah diutarakan bekas Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago sebelum ini.

Charles sebelum ini memaklumkan Anwar mungkin terpaksa mempertimbangkan rombakan kabinet disebabkan prestasi semasa sebahagian menteri di bawah tahap memuaskan dan prestasi hambar Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) pada PRN enam negeri dan dua PRK.

Selain itu, dua faktor lagi dikemukakan Pengurus Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) itu adalah cadangan mengembalikan portfolio Kementerian Wilayah Persekutuan dan Menteri Kewangan II bagi meringankan beban tanggungjawab Perdana Menteri serta keperluan penyusunan semula menteri yang ideal mengikut turutan portfolio le-

bih kritikal.

Berikutnya itu, sumber terdekat kepada seorang menteri BN memaklumkan cadangan rombakan kabinet, sama ada kecil atau besar, adalah perkara paling realistik dilakukan Anwar.

Hal ini mengambil kira faktor senario politik semasa dan keperluan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan Perpaduan.

"Sekarang ini heboh diperkatakan terdapat kemungkinan besar Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail akan bertukar portfolio kementerian dengan mengambil alih jawatan Menteri KPDN yang kosong ketika ini."

"Sekiranya perkara itu berlaku, jawatan Menteri Dalam Negeri mungkin akan kembali disandang Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memandangkan Perdana Menteri pastinya memerlukan pemimpin paling dipercaya bagi menggalas portfolio kritikal itu," tegas sumber UMNO itu yang juga merupakan pemimpin utama sayap Pernada sebuah negeri di Selatan.

Sumber UMNO berkenaan turut mendedahkan kemungkinan jawatan Kementerian Kemajuan Wilayah dan Desa yang kiri dipegang BN secara status quo, bakal diserahkan kepada Amanah sebagai timbal balas parti itu terpaksa melepaskan jawatan Menteri KPDN kepada wakil PKR.

"Justifikasi mengapa Saifuddin dipilih menggalas semula tanggungjawab Menteri KPDN adalah disebabkan beliau mempunyai pengalaman cemerlang mengemudi portfolio itu sewaktu pentadbiran Kerajaan PH selama 22 bulan."

"Bagi Ahmad Zahid pula, selaku pemimpin nombor dua di belakang Anwar, beliau perlu memegang portfolio kementerian yang lebih penting. Dengan pengalaman mengemudi KDN sewaktu kerajaan BN pimpinan bucas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ahmad Zahid terbukti menjalankan tugas yang baik."

"Soal kontroversi keputusan mahkamah melepas tanpa membebaskan (DNAA) Ahmad Zahid baru-baru ini, saya fikir perkara itu bukan lagi satu isu kerana semua pihak berkepentingan termasuk Anwar sendiri sudah memberikan justifikasi se-wajarnya," jelas sumber itu.

Sumber BN itu juga mendakwa, beberapa portfolio kementerian diunjurkan akan kembali diperkenalkan iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan dan Menteri Kewangan II, bagaimanapun pemilihan calon menteri pastinya bukan dalam kalangan pemimpin BN.



Terdapat spekulasi mengatakan Anwar (kanan) mungkin membuat rombakan kabinet dan meletakkan Ahmad Zahid (tengah) kembali mengemudi KDN.

"Dengan sekadar berbekalkan 30 kerusi Parlimen, BN menyediari parti tidak boleh terlalu menuntut lebih banyak jawatan kabinet kerana perlu memberi laluan kepada 17 parti lain yang bersama Kerajaan Perpaduan."

"Sekiranya ada peluang pertambahan jawatan menteri dalam kalangan ahli Parlimen BN sekali pun, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Johari Abdul Ghani di-lihat mempunyai peluang paling cerah dilantik sebagai Menteri Kewangan II atas dasar keparakan beliau dalam bidang ekonomi dan kewangan," ujar sumber itu.

Bagi mendapatkan pengesahan maklumat daripada sumber BN berkenaan, Sinar Premium pada ketika ini sedang berusaha mendapatkan maklum balas daripada Setiausaha Politik Kanan Kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohamad Akin.

Budi bicara PM

Sementara itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh se-waktu dihubungi tidak menolak kemungkinan Perdana Menteri bakal melaksanakan rombakan kabinet bagi mengukuhkan struktur pentadbiran negara dalam masa terdekat.

Ujar Alexander, perkara berkenaan hakikatnya terserah kepada budi bicara Perdana Menteri kerana itu hak prerogatif beliau sekitar kerajaan Perpaduan

mempunyai sebab mendesak untuk berbuat demikian.

"Sehingga kini, kami (Jemaah Menteri) masih tidak diberi sebarang indikasi. Tapi secara peribadi, saya fikir kalau Perdana Menteri hendak buat rombakan kabinet, tidak mustahil ia akan berlaku."

"Cuma kalau tiada keperluan mendesak, teruskan sahaja kekalahan barisan menteri kabinet sedia ada. Bagi saya tempoh belum cukup setahun masih terlalu awal untuk barisan Jemaah Menteri diubah. Tetapi segalanya bergantung kepada hak dan kuasa Perdana Menteri," kata Setiausaha Agung Gabungan Parti Sarawak (GPS) itu.

Fuziah pula sewaktunya ditanya mengenai desas-desus rombakan kabinet, hanya se-kadar menjawab ringkas: "Mungkin lah."

Bekas Ahli Parlimen Kuantan darpa-PKR itu turut menegaskan beliau tidak pasti sama ada pelaksanaan rombakan kabinet oleh Perdana Menteri adalah satu keperluan mendesak ketika ini.

"Saya ini banyak kerja (portfolio KPDN). Tidak sempat tengok prestasi kementerian lain," katanya.

Dalam pada itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Armizan Mohd Ali dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Liew Chin Tong bertindak 'menutup mulut' dan enggan mengulas mengenai spekulasi rombakan kabinet.

Peruncit didenda RM10,000, jual telur lebih mahal

Telur harga 43 sen sebiji, dijual 70 sen

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

JOHOR BAHRU – Sebuah syarikat peruncitan dijatuhi hukuman denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini semalam kerana menjual telur melebihi harga kawalan ditetapkan.

Hakim, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim membuat keputusan tersebut selepas tertuduh mengaku bersalah menjual telur ayam gred B pada harga 70 sen sebiji, sedangkan harga kawalan adalah 43 sen sebiji.

Atas kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

Sementara itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, tindakan tersebut selepas anggota penguatkuasanya menyiasat aduan awam melibatkan sebuah premis runcit di Taman Dato' Onn, di sini.

"KPDN Johor akan terus membuat pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan ke atas kedudukan bekalan barang-barang keperluan asas di seluruh negeri Johor.

"Sebagai agensi kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup, pelbagai langkah telah dilakukan bagi memastikan harga barang adalah

berpatutan dan stabil," jelasnya.

Tambah Lilis Saslinda, seramai 200 anggota penguat kuasa KPDN Johor sentiasa memantau dan melakukan pemeriksaan agar bekalan barang keperluan harian adalah mencukupi bagi rakyat negeri ini.

"Sehubungan itu, peniaga juga dinasihatkan agar mematuhi segala undang-undang perniagaan yang ditetapkan dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

"Tindakan tegas akan diambil sekiranya terdapat peniaga yang melakukan kesalahan berkaitan bekalan dan harga," jelasnya dalam satu kenyataan semalam.



PENGUATKUASAAN KPDN sentiasa memantau bekalan bahan makanan terutama barang kawalan supaya ia dijual pada harga yang ditetapkan. – GAMBAR HIASAN



Peruncit jual telur 70 sen sebiji didenda RM10,000

Pengguna buat aduan syarikat tak patuh harga kawalan gred B 43 sen sebutir

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Syarikat peruncit yang menjual telur ayam melebihi harga kawalan maksimum, didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Johor Bah-

ru, di sini, semalam.

Hakim, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim membuat keputusan itu selepas tertuduh mengaku bersalah menjual telur ayam gred B pada harga 70 sen sebiji, sedangkan harga kawalan adalah 43 sen sebiji.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Purnomo, berkata pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan



Lilis Saslinda

(AKHAP) 2011.

KPDN terus pantau

Katanya, tindakan itu dibuat oleh anggota penguat kuasa KPDN Johor Bahru pada 2 Januari lalu, berdasarkan siasatan aduan orang awam di sebuah premis runcit sekitar kawasan Taman Dato' Onn.

"KPDN Johor melalui anggota penguat kuasa di seluruh Johor akan terus membuat pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan ke atas kedudukan bekalan barang keperluan asas di seluruh negeri.

"Sebagai agensi kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup, pelbagai langkah telah dilakukan bagi memastikan harga barang adalah berpatutan dan stabil," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Lilis Saslinda berkata, seramai 200 anggota penguat kuasa KPDN Johor sentiasa memantau dan melakukan pemeriksaan agar bekalan barang keperluan harian mencukupi bagi rakyat negeri ini.

Katanya, peniaga juga dinasihatkan mematuhi segala undang-undang perniagaan yang ditetapkan dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Didenda RM10,000 jual telur ayam melebihi harga kawalan

JOHOR BAHRU - Sebuah syarikat peruncit didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Johor Bahru kerana menjual telur ayam melebihi harga kawalan ditetapkan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lulis Saslinda Pornomo berkata, syarikat itu mengaku bersalah selepas dikesan melakukan perbuatan itu pada 2 Januari lalu.

Menurutnya, syarikat tersebut didapati menjual telur ayam gred B dengan harga 70 sen sebijji yang melebihi harga maksimum runcit yang ditentukan dalam Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2022 iaitu 43 sen sebijji.

"Kesalahan itu dikesan anggota penguat kuasa Johor Bahru berdasarkan siasatan aduan orang awam di sebuah premis runcit sekitar kawasan Taman Dato' Onn, Johor," katanya.

Sementara itu, Lulis Saslinda meminta peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.



Kena denda RM10k jual telur melebihi harga maksimum

Johor Bahru: Sebuah syarikat perkongsian (peruncit) yang menjual telur ayam melebihi harga maksimum ditetapkan kerajaan dikenakan denda RM10,000 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

Hakim, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim membuat keputusan itu selepas tertuduh mengaku bersalah menjual telur ayam gred B pada harga 70 sen sebijji sedangkan harga kawalan adalah 43 sen sebijji.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri (KPDN) Johor, Lili Saslinda Pornomo berkata, pertuduhan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencautan (AKHAP) 2011.

Katanya, tindakan kes dilakukan anggota penguat kuasa KPDN Johor Bahru pada 2 Januari lalu berdasarkan aduan awam membabitkan sebuah premis runcit sekitar kawasan Taman Dato' Onn disini.

"KPDN Johor melalui anggota penguat kuasa di seluruh Johor akan terus membuat pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan ke atas kedudukan bekalan barang keperluan asas di seluruh negeri ini.

"Sebagai agensi kerajaan yang serius dalam menangani kos sara hidup, pelbagai langkah dilakukan bagi memastikan harga barang adalah berpatutan dan stabil," katanya.

Katanya, seramai 200 anggota penguatkuasa KPDN Johor sentiasa memantau dan melakukan pemeriksaan supaya bekalan barang keperluan harian mencukupi bagi rakyat negeri ini.

Pembelian panik jadi punca bekalan kurang

Johor Bahru: Pembelian panik beras putih tempatan oleh pengguna di kenal pasti antara punca bekalan bahan itu berkurangan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, Datuk Zahari Sarip berkata, pengurangan bekalan itu bagaimanapun tidak mencapai tahap kritikal dan membimbangkan.

Malah, beliau menerangkan masalah kekurangan beras tidak sepatutnya berlaku di Johor memandangkan bekalan sedia ada melebihi penggunaan.

Katanya, data Agensi Kawal Selia Padi dan Beras serta Jabatan Pertanian negeri melaporkan penggunaan beras tempatan di negeri ini setahun dianggarkan 316,000 tan, dengan penggunaan sebulan 21,000 tan.

"Stok bekalan beras dalam sebulan yang disediakan adalah 23,000 tan. Jadi saya mahu perbetulkan persepsi rakyat Johor (dalam isu ini).

"Untuk makluman tidak berlaku kekurangan kritikal bekalan beras di negeri ini kerana stok be-

kalan melebihi penggunaan rakyat.

"Apa yang berlaku adalah pembelian panik apabila keluarga yang biasa beli sekampit beras sebulan, tiba-tiba beli dua atau tiga kampit sekali gus. Ini termasuklah pengusaha makanan, peniaga kantin dan pengusaha katering, kerana risau tiada bekalan jadi mereka terus beli dalam kuantiti besar," katanya selepas merasmikan Program Jualan Agro Madani menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di Pasar Tani Kekal Jalan Datin Halimah, semalam.

Dalam perkembangan berasingan Zahari memaklumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor tidak menerima sebarang aduan berhubung mana-mana pihak menyorok bekalan beras di negeri ini.

"Setakat hari ini (semalam), kita tidak terima laporan rasmi berhubung...mungkin dalam media sosial ada sebut, tetapi laporan rasmi kepada KPdn tiada, jadi saya alu-alukan (laporan) jika ada," katanya.

Jangan buat pembelian panik - Exco

JOHOR BAHRU - Rakyat di negeri ini dinasihatkan supaya tidak membuat pembelian panik terhadap beras kerana bekalan itu mencukupi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip berkata, penggunaan beras rakyat Johor untuk sebulan adalah sekitar 21,000 tan metrik berbanding bekalan sebulan sebanyak 23,000 tan metrik.

Beliau berkata, secara keseluruhan, Johor mempunyai bekalan beras 316,000 tan metrik untuk setahun, justeru seharusnya tidak timbul kerisauan tentang bekalan itu.

"Apa yang berlaku adalah pembelian panik apabila keluarga yang biasa beli sekampt beras sebulan, tiba-tiba membeli dua atau tiga kampit sekali gus.

"Ini termasuklah pengusaha makanan, peniaga kantin dan pengusaha katering kerana risau tiada bekalan, jadi mereka terus beli dalam kuantiti besar," katanya selepas merasmikan Program Jualan Agro Madani di Pasar Tani

JOHOR

Kekal, Jalan Datin Halimah di sini pada Rabu.

Zahari berkata, setakat ini pihak berkuasa tidak menerima sebarang aduan berkaitan mana-mana pihak menyorok bekalan beras di negeri ini.

"Mungkin semasa mereka (pembeli) sampai di kedai, kebetulan stok baru habis atau stok baharu belum sampai tetapi data diterima daripada pelbagai agensi berkaitan tidak menunjukkan kekurangan bekalan yang serius.

"Setakat ini tiada terima laporan sorok beras, tiada tangkapan, mungkin dalam TikTok ada tetapi dalam laporan rasmi kepada KPDN tida. Saya alu-alukan kalau rakyat atau pembeli yang tahu ada berlaku kes sorok beras, laporan kepada KPDN," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau turut memaklumkan Johor telah menerima bekalan tambahan 100 tan metrik beras daripada beberapa agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Pertubuhan Peladang untuk mengatasi kekurangan bekalan itu di negeri ini. - Bernama

Jual beras timbang kilo atas permintaan

KUBANG PASU -

Seorang penjaga kedai runcit di Pekan Kodiang di sini terpaksa menjual beras secara timbang kilo sejak dua minggu lalu atas permintaan penduduk kampung.

Noor Shuhada Ahmad Judin, 33, berkata, kebanyakan penduduk kampung tidak mampu membeli beras kampit lima kilogram kerana harganya yang mencecah hampir RM20.

"Sekarang yang ada beras import, jadi memang mahal terutama mereka yang bekerja gaji hari.

"Kadang-kadang ada yang baru balik kerja upah meracun, singgah beli beras sekilo dua," katanya ketika ditemui di kedai runcit di sini pada Rabu.

Menurutnya, beras timbang import dijual RM3.30 sekilogram.

"Saya timbang ikut permintaan pelanggan. Alhamdulillah sejak jual beras timbang kilo, hari-hari orang mai beli beras.

"Setidak-tidaknya kita boleh bantu mereka beli beras secara sikit-sikit berbanding keluarkan kos sekali gus untuk lima atau 10kg beras," katanya.

Sementara itu, suri rumah, Noni Saad, 47, berkata, mereka sekeluarga terpaksa membeli beras import 5kg berbanding beras

KEDAH



Noor Shuhada menimbang beras import untuk memudahkan penduduk membeli mengikut jumlah kilogram.

tempatan 10kg sebelum ini.

"Kalau beli beras import 10kg mahal sangat saya pun tak mampu tambah saya pula hanya berniaga kecil-kecilan sahaja.

"Saya pun dah mati akal nak cari beras tempatan sebab semua kedai dan pasar raya berdekatan rumah hanya jual beras import," ujarnya.

Sementara itu di **ALOR SETAR, KEDAH**, Persatuan Pengguna Kedah (Cake) tidak setuju dakwaan pembelian panik menjadi punca kepada ketidapaan beras tempatan di pasaran.

Presidennya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) diminta

mengakukan pemeriksaan di pasar raya kerana tempat itu menjadi antara lokasi beras tempatan banyak dijual sebelum ini.

Menurutnya, sebelum ini tiada isu bekalan beras tempatan, namun selepas pengumuman kenaikan harga beras import pada 1 September, tiba-tiba beras tempatan berkurangan di pasaran.

"Kalau berlaku pembelian panik, KPDN perlu buat pemeriksaan di pasar raya jumlah pembelian.

"Daripada di situ kita boleh nampak pengguna buat pembelian panik atau tidak dan boleh baca daripada segi data dan sebagainya," katanya pada Rabu.



Consumers lining up to buy rice during an Agro Madani Sale at a farmers market in Larkin, Johor yesterday. – BERNAMAPIC

Enough rice supply in Johor: Exco

JOHOR BAHRU: The public here has been advised not to resort to panic buying of rice as there is enough supply in the state.

State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Zahari Sarip said the monthly consumption of rice in the state amounted to 21,000 metric tonnes, while the supply is 23,000 metric tonnes a month.

He said overall, Johor has a supply of 316,000 metric tonnes of rice a year and with the monthly consumption of 21,000 metric tonnes a month, there should be no worries about rice supply.

"What is happening now is panic buying," he said after opening the Madani Agro sales programme at Pasar Tani Kal in Jalan Datin Halimah, Larkin yesterday.

Also present were Johor Domestic

Trade and Cost of Living Ministry enforcement director Lilis Saslinda Pornomo and Johor Padi and Rice Regulatory Office director Mohd Alieff Sabeh.

On a related matter, Zahari said Johor also received an additional supply of 100 metric tonnes of rice from several agencies, including the Federal Agricultural Marketing Authority and the Farmers' Organisation. – Bernama

Dua stesen minyak dikenakan tindakan kerana ingkar arahan

Alor Setar: Seleweng diesel bersubsidi secara terbuka dan tiada rasa ber salah.

Ibu tindakan dua lelaki tempatan ditahan kerana disyaki melakukan penyelewengan diesel subsidi di dua stesen minyak di negeri ini, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, kedua-dua le-

laki terbabit berusia 40-an hingga 50-an ditahan ketika sedang mengisi diesel subsidi di dua stesen minyak.

Beliau berkata, dalam kejadian pertama jam 3.30 petang itu, seorang lelaki berusia 40-an yang sedang mengisi diesel ke dalam tiga tong dram dibawa menggunakan pacuan empat roda ditahan.

"Jumlah bahan api disita sebanyak 81 liter dengan

nilai rampasan berjumlah RM175," katanya.

Affendi berkata, dalam kejadian kedua jam 6.30 petang, pihaknya menahan lelaki berusia 50-an bersama 3,000 liter diesel diisi dalam lori miliknya.

"Semua diesel dirampas bernilai RM6,450. Lelaki itu turut ditahan untuk mem-

bantu siasatan berhubung kes itu," katanya.

Affendi berkata, selain itu, dua pengusaha minyak stesen minyak diam-bil tindakan kerana melanggar arahan pengawal KPDN dengan menjual di-

isel secara salah untuk tujuan penyelewengan.

Beliau berkata, pihaknya

membuka dua kertas siasatan berhubung perkara itu di bawah Peraturan 21, Pelanggaran Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Affendi berkata, KPDN ingin memberi amaran keras dan menegaskan bahawa Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam sindiket dan aktiviti penyelewengan barang kawalan ini.

Beliau berkata, tindakan tegas akan diambil termasuklah mendakwa mereka di mahkamah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA) (Akta 613).

Dua lelaki tempatan ditahan disyaki seleweng diesel



KERATAN AKHBAR (BERITA UMUM)

21 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)

Keputusan representasi anak bekas menteri ditangguhkan

Seremban: Prosiding di Mahkamah Sesyen di sini, semalam untuk mendengar keputusan representasi dua pengarah syarikat termasuk anak bekas menteri atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan tahun lalu tertangguh.

Hakim Mazni Nawi memutuskan menangguhkan keputusan representasi selepas pihak pendakwaan memaklumkan hanya menerima representasi daripada Muhammad Faisal Hamzah, 39, manakala Azizul Abdul Halim, 55, masih belum mengemukakannya.

Justeru, Timbalan Pendakwa Raya Ke-menteri-an Perda-

ganggan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) Syazwani Zawawi meminta satu tarikh baru bagi membolehkan beliau meneliti kedua-dua representasi secara menyeluruh.

"Untuk hari ini adalah keputusan representasi dan pihak pendakwaan telah terima representasi dari Muhammad Faisal, namun saya difahamkan yang Azizul juga akan masukkan satu representasi, tetapi masih belum diterima pihak pendakwaan."

"Walaupun ia (representasi) akan dinilai secara berbeza, tetapi pihak pendakwaan nak meneliti kedua-dua representasi secara holistik," katanya.

Peguam Hasan Hamzah yang mewakili



MUHAMMAD Faisal (tengah) di Mahkamah Sesyen Seremban semalam.

Azizul meminta tempoh sekurang-kurangnya sebulan lagi untuk mengemukakan representasi berkenaan manakala peguam Krishna Dallumah yang mewakili Muhammad Faisal memohon supaya keputusan representasi dipercepatkan memandang

kan pihaknya sudah melakukan permohonan itu sejak 30 Jun lalu.

"Memang sudah tiga bulan. Jadi saya harap perkara ini boleh dipercepatkan supaya kami tahu kedudukan sebenar."

"Walaupun keputusan representasi tertakuk ke-

pada pihak pendakwaan, tetapi masa yang terlalu lama akan prejudis hak pihak-pihak," katanya.

Syazwani kemudian mencadangkan kepada mahkamah tarikh seterusnya untuk pengurusan kes dan jika ada perkembangan representasi, pihaknya akan memaklumkan kepada semua pihak berkaitan.

Mahkamah kemudian menetapkan 1 November depan untuk sebutan semula kes.

Media pada 5 April lalu melaporkan dua pengarah syarikat termasuk anak bekas menteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan.

Muhammad Faisal dan Azizul bagaimanapun me-

ngaku tidak bersalah di hadapan Mazni selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh sebagai pengarah Rimba Merpati Sdn Bhd sebagai pemegang lesen borong barang kawalan berjадual memberikan maklumat palsu kepada KPDN ketika mengemukakan maklumat dalam borang arahan yang berada dalam simpanan berkaitan barang kawalan mengikut Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 berhubung Dokumen/Invois Penjualan Minyak Masak kepada Pasar Segar Din Maju.

Media pada 5 April lalu melaporkan dua pengarah syarikat termasuk anak bekas menteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 8(4)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) akta sama.



BERITA ONLINE (KPDN)

21 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 SEPTEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
20-Sep	Enough rice supply in Johor, no need for panic buying, says Johor exc	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/09/20/enough-rice-supply-in-johor-no-need-for-panic-buying-says-exco	MALAYMAIL
20-Sep	Bekalan beras cukup, jangan buat pembelian panik - Exco Johor	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1011519/bekalan-beras-cukup-jangan-buat-pembelian-panik-exco	HM
20-Sep	Bekalan beras cukup, jangan buat pembelian panik - Exco	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2227140	BERNAMA
20-Sep	Enough rice supply in Johor, no need for panic buying, says Johor exc	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2227146	BERNAMA
20-Sep	Pembelian panik punca beras putih tempatan kurang - EXCO Johor	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1154961/pembelian-panik-punca-beras-putih-tempatan-kurang-exco	BH
20-Sep	Kunak rice and egg sellers exploiting situation: NGO	https://www.dailyexpress.com.my/news/220181/kunak-rice-and-egg-sellers-exploiting-situation	DAILYEXPRESS
20-Sep	Ada peruncit enggan jual beras tempatan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1011582/ada-peruncit-enggan-jual-beras-tempatan	HM
20-Sep	Bekalan beras tempatan kembali stabil sebulan lagi - Mohamad Sabu	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1011554/bekalan-beras-tempatan-kembali-stabil-sebulan-lagi-mohamad-sabu	HM
20-Sep	Jual telur lebih harga kawalan, peruncit didenda RM10,000	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1155005/jual-telur-lebih-harga-kawalan-denda-rm10000	BH

20-Sep	Peruncit didenda RM10,000, jual telur lebih harga kawalan	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/279958	SH
20-Sep	PDN perlu teliti aduan garisan hijau, pink pada skrin telefon bimbit – CAP	https://malaysiagazette.com/2023/09/20/kpdn-perlu-teliti-aduan-garisan-hijau-pink-pada-skrin-telefon-bimbit-cap/	MALAYSIAGAZETTE
20-Sep	Peruncit didenda RM10,000, jual telur lebih harga kawalan	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/peruncit-didenda-rm10-000-jual-telur-lebih-harga-kawalan-438210%3famp=1	ASTROAWANI
20-Sep	Jualan Rahmah: Komitmen segera kerajaan atasi krisis beras	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1011715/jualan-rahmah-komitmen-segera-kerajaan-atasi-krisis-beras	HM
20-Sep	Jualan Rahmah: Komitmen segera kerajaan atasi krisis beras	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2227331	BERNAMA
20-Sep	Jualan Rahmah: Komitmen segera kerajaan atasi krisis beras - Persatuan Pengguna	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1155174/jualan-rahmah-komitmen-segera-kerajaan-atasi-krisis-beras-persatuan	BH
20-Sep	Syor pinda akta, perangi kartel beras	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/syor-pinda-akta-perangi-kartel-beras/	UM
20-Sep	India To Be Key Trade Partner Says Malaysian Deputy Minister	https://www.businessworld.in/article/India-To-Be-Key-Trade-Partner-Says-Malaysian-Deputy-Minister/20-09-2023-492011/	BUSINESSWORLD
20-Sep	Warga asing ditahan cuba seludup minyak masak peket	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-asing-ditahan-cuba-seludup-minyak-masak-peket-438253%3famp=1	ASTROAWANI
20-Sep	Warga asing ditahan cuba seludup minyak masak peket	https://www.sinarharian.com.my/article/280012/berita/semasa/warga-asing-ditahan-cuba-seludup-minyak-masak-peket	SH